

Headline **Zarina beri pendedahan bahaya HIV**  
Date **16 Mar 2011**  
MediaTitle **Sinar Harian (Utara)**  
Section **NEWS**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **60,000 /**

Language **Malay**  
Page No **u28**  
Article Size **233 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
ADValue **1,281**  
PRValue **3,843**



# Zarina beri pendedahan bahaya HIV

**GEORGETOWN** – Seorang transeksual (mak nyah) yang dikenali Zarina Abdul Rahman mengakui hidupnya dipenuhi dengan kehidupan yang mencabar, namun perkara itu adalah pilihannya dan bukan paksaan daripada mana-mana pihak.

Zarina berkata, disebabkan cabaran hidup itu membuatkan dirinya terpacu untuk berkongsi pengalamannya dengan masyarakat.

Menurutnya, pada setiap minggu dia akan mengunjungi tempat pelacuran untuk memberi khidmat nasihat kepada pekerja seks.

“Saya akan mengunjungi mereka sekurang-kurangnya tiga kali seminggu untuk mendidik mereka secara perlahan-lahan mengenai bahayanya HIV dan Aids serta hampir setiap minggu saya membawa kondom percuma untuk diberikan kepada mereka.

“Bukan saya hendak menggalakkan tetapi ini adalah satu da-

ripada cara supaya mengurangkan peningkatan pesakit HIV setiap tahun.

“Apa yang menjadi masalah kepada mereka, pelanggan mereka sendiri tidak mahu memakai kondom yang diberikan,” katanya yang kini bekerja di Community Aids Service Pulau Pinang (CASP).

Menceritakan pengalamannya yang juga bertugas sebagai penyelidik, Zarina pernah beberapa kali ditangkap polis kerana disangka pekerja seks.

Tetapi lama kelamaan, pihak polis juga sudah mengenalnya dari badan bukan kerajaan (NGO).

Bukan sahaja pernah disyaki polis, sebelum ini keluarganya juga menghadapi masalah untuk menerimanya.

Menurutnya, ketika berusia 15 dia lari dari rumah kerana sering dipukul ayahnya kerana ti-

dak berkelakuan seperti lelaki.

“Selepas itu saya berjumpa dengan seorang transeksual dan bermula dari situ episod hidup saya bertukar menjadi pekerja seks.

“Namun akhirnya, saya kembali hidup normal dan bekerja dengan CASP.

Dalam masa sama katanya, sokongan keluarga menjadi faktor utama dia tidak melakukan pekerjaan itu.

Cemuhan oleh masyarakat sudah menjadi sebatik dalam kehidupannya selama menjadi seorang transeksual.

“Matlamat saya sekarang ialah ingin memberi kesedaran kepada masyarakat bahawa HIV dan Aids sememangnya musuh utama negara. Walaupun saya seorang transeksual, tidak semestinya saya menjalankan kehidupan negatif,” katanya.

Dia kini sudah mempunyai sebuah butik perkahwinan dan menjadi mak andam pengantin.



■ Zarina dalam salah satu program bersama masyarakat.